

Percuma

ڦندوان برڪائين ڦواسا رمضان دان شوال

Panduan Berkaitan **Puasa Ramadan** *Dan Syawal*



www.jomsolah.com

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPL) Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak



www.jomsolah.com

شندوان برکایتن قواسا رمضان دان شوال

Panduan Berkaitan Puasa Ramadan Dan Syawal

Kandungan oleh :

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

Grafik :

JOMSOLAH DOTCOM

Panduan Berkaitan Puasa Ramadan Dan Syawal

Jom Solat (2013)

Cetakan 1437 H • 2016 Masihi

Panduan Berkaitan Puasa Ramadan Dan Syawal ini adalah percuma. **Tidak dibenarkan** mengeluar semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan lain-lain untuk tujuan perniagaan atau perkara-perkara yang melibatkan keuntungan.

Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada semua pihak yang telah menyumbang untuk mencetak buku Panduan Berkaitan Puasa Ramadan Dan Syawal ini.

"Ya Allah, terimalah amal kami yang sedikit ini dan jadikanlah amalan tersebut ikhlas semata-mata mengharapkan redha-Mu."



Penerbit

JOMSOLAH DOTCOM
(002401187-M)

www.jomsolah.com
www.facebook.com/jomsolah



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Kata-Kata Aluan Mufti Wilayah Persekutuan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam, kaum keluarganya, para sahabatnya dan para pengikutnya.

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku kecil **Panduan Berkaitan Puasa Ramadan Dan Syawal** ini dapat diterbitkan untuk tatapan dan panduan para pembaca muslimin dan muslimat. Buku ini disusun oleh Ustaz Salehuddin bin Abu Samah, Penolong Pengurus, Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, Kuala Lumpur dan dibantu dari sudut grafiknya oleh JomSolah DotCom.

Pada hemat saya, buku kecil ini telah disusun dengan cara merujuk kepada sumber yang jelas dan dikemukakan dalam bentuk yang menarik. Huraian ringkas tentang puasa Ramadan dan sambutan Syawal yang disertakan dengan gambar rajah yang jelas dan menarik dapat membantu ke arah memberikan panduan kepada muslimin dan muslimat untuk melaksanakan ibadah puasa serta mempertingkatkan kualiti dalam ibadah tersebut.

Mudah-mudahan, usaha ke arah mengajak masyarakat untuk melaksanakan ibadah puasa Ramadan dan sambutan Syawal dengan kaedah yang tepat seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam ini akan diberkati Allah.

Saya sebagai Mufti Wilayah Persekutuan berharap agar buku kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua kelompok lapisan masyarakat. Semoga usaha murni seperti ini dapat diteruskan lagi dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan dan menyebarkan buku yang bermanfaat ini mendapat sebaik-baik ganjaran di sisi Allah 'Azza Wajalla.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI".

S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Mufti Wilayah Persekutuan

Doa Ketika Melihat Anak Bulan Ramadan

Daripada Talhah bin 'Ubaidillah Radiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila Baginda melihat anak bulan, Baginda akan berdoa:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ أَهْلِهُ عَلَيْنَا بِالْأَمْنِ وَالْإِيمَانِ، وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ،
وَالْتَّوْفِيقِ لِمَا تُحِبُّ رَبَّنَا وَتَرْضَى، رَبُّنَا وَرَبُّكَ اللَّهُ.

“Allah Maha Besar. Ya Allah, terbitkanlah ke atas kami bulan yang membawa keamanan dan keimanan, kesejahteraan dan Islam serta taufiq ke arah melakukan perkara yang Engkau redhai. Tuhanku dan tuhanmu adalah Allah.”

Riwayat Ahmad dan at-Tirmizi

Doa Apabila Memasuki Bulan Ramadan

Diriwayatkan daripada at-Tabrani, daripada Makhul rahimahullah bahawa beliau berdoa apabila mula memasuki Ramadan :

اللَّهُمَّ سَلِّمْنِي لِرَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِيْ،
وَتَسْلِمْهُ مِنِّي مُتَقَبِّلاً

Ya Allah, sampaikanlah aku ke dalam bulan Ramadan, serahkanlah Ramadan kepadaku dan ambillah ia daripadaku dengan Engkau menerima amalanku.

Riwayat at-Tabrani

PELUANG INFAQ FISABILILLAH

UNTUK PERCETAKAN DAN PENYEBARAN BUKU TERBITAN
JOMSOLAH DOTCOM



Jazakumullah khaira di atas sumbangan dan infaq daripada semua para penyumbang yang budiman. Semoga Allah Taala menerima amalan kita semua dan menjadikan kita di kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh.

جَزَاكُمُ اللَّهُ خَيْرًا وَبَارَكَ اللَّهُ فِيمُكُمْ



No. Akaun **JomSolah DotCom**
5643 5150 8075 - Maybank Islamic

وَمَثْلُ الدِّينِ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ أَبْتِغَاءَ
مَرْضَاتٍ أَلَّهُ وَتَشْبِيتًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ
كَمَثْلُ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَأَبْلَى فَقَاتَ
أَكُلُّهَا ضَعْفَيْرٌ فَإِنْ لَمْ يُصْبِهَا وَأَبْلَى^{١٣٥}
فَطَلْلٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya karena mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai).

Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan.

(Surah Al Baqarah, ayat 265)





Kandungan

Isi kandungan

Pengertian Puasa	8	Adab Puasa Ramadan	48	Panduan Syawal	62
Dalil Pensyariatannya	12	Perkara Makruh Dalam Puasa	49	Pengertian 'Eidul Fitri	63
Hukum Meninggalkan Puasa Ramadan	14	Golongan Yang Diberi Rukhsah Untuk Berbuka Puasa	50	Dalil Disyaratkan Solat Sunat Hari Raya	64
Hikmah Puasa	15	Puasa Qada' Ramadan	51	Hukum Solat Sunat Hari Raya	65
Penetapan Bulan Ramadan	16	Hukum Hakam Semasa Tentang Puasa Ramadan	53	Cara Solat Sunat Hari Raya	66
Hukum Berpuasa Hari Syak	18			Takbir Raya	69
Syarat Wajib Puasa	22			Adab Ketika Meraikan Hari Raya	71
Syarat Sah Puasa	24	Doa Semasa Ramadan	58	Panduan Puasa Sunat Enam Syawal	73
Rukun Puasa	27	Doa Ketika Berbuka Puasa	59	Ucapan Sempena Hari Raya	74
Perkara Yang Membatalkan Puasa	35	Doa Ketika Berbuka Puasa Puasa Di Rumah Orang Lain	60	Rujukan	75
Perkara Yang Membatalkan Puasa Ramadan Dan Perinciannya	36	Doa Malam Lailatul Qadar	61		





Pengertian Puasa

Menurut bahasa:
Puasa ialah menahan diri daripada melakukan sesuatu seperti makan, minum dan bercakap

Hal ini berdasarkan Firman Allah Taala tentang kisah Maryam 'Alaihassalam:

إِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ صَوْمًا

Maksudnya :

"Sesungguhnya aku bermazar untuk puasa daripada bercakap (diam membisu) kerana Allah.

(Surah Maryam : 26)



Pengertian Puasa

Menurut Syara':

Puasa ialah :

- 1** • Menahan diri daripada sebarang perkara yang membatkalkannya,
- 2** • Bermula dari terbit fajar hingga matahari terbenam,
- 3** • Dilakukan dengan niat.



Sejarah Pensyariatan Puasa

- 1.** Puasa bulan Ramadan telah difardukan pada bulan Sya'ban, Tahun Kedua Hijrah.
- 2.** Sebelum itu ibadah puasa telah diamalkan di kalangan umat terdahulu dan ahli kitab yang sezaman dengan Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam.



Pengertian Puasa

Firman Allah Taala:

يَأَيُّهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُوا كُنْبَ
عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا
كُنْبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَنَقُّونَ

١٨٣

البقرة : ١٨٣

Maksudnya :

“Wahai orang-orang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu PUASA sebagaimana yang telah diwajibkan kepada umat yang terdahulu daripada kamu, mogamoga kamu bertaqwa”.

(Surah Al-Baqarah : 183)



Hikmah Puasa

- 1** Menyedarkan hati orang yang beriman bahawa dirinya adalah sentiasa berada di bawah pemerhatian Allah Taala.
- 2** Merupakan jalan yang termudah untuk menunaikan hak Allah dan tanggungjawab hamba kepadanya.
- 3** Mendidik jiwa dan mengurangkan sifat keras hati yang bersarang dalam diri insan akibat kekenyangan yang berterusan.
- 4** Merupakan wasilah yang terbaik untuk melahirkan rasa ihsan dan prihatin sesama saudara seaqidah.



Dalil Daripada Hadith

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ
وَالْحُجُّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ .

Maksudnya :

“Islam dibina di atas lima perkara iaitu bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Taala dan Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji dan berpuasa pada bulan Ramadan”.

Riwayat al-Bukhari dan Muslim



Hukum meninggalkan puasa pada bulan Ramadan

- 1.** Sesiapa yang mengingkari kewajipannya akan menjadi kafir dan disuruh bertaubat sebagaimana orang murtad.
- 2.** Sekiranya dia enggan, hendaklah dijatuahkan hukuman bunuh ke atasnya jika dia telah lama memeluk Islam dan tidak tinggal berjauhan daripada ulama.
- 3.** Sesiapa yang tidak berpuasa tanpa mengingkari kewajipannya, dia menjadi fasiq.
- 4.** Pemerintah wajib memenjarakannya dan menghalangnya daripada makan dan minum pada waktu siang supaya dia berpuasa sekalipun secara zahirnya sahaja.



Hikmah Puasa

- 1** Menyedarkan hati orang yang beriman bahawa dirinya adalah sentiasa berada di bawah pemerhatian Allah Taala.
- 2** Merupakan jalan yang termudah untuk menunaikan hak Allah dan tanggungjawab hamba kepadanya.
- 3** Mendidik jiwa dan mengurangkan sifat keras hati yang bersarang dalam diri insan akibat kekenyangan yang berterusan.
- 4** Merupakan wasilah yang terbaik untuk melahirkan rasa ihsan dan prihatin sesama saudara seaqidah.



Penetapan Bulan Ramadan

Ditentukan dengan
DUA CARA:



Melihat anak bulan
pada malam 30 Sya'ban

Mencukupkan bilangan
bulan Sya'ban 30 hari



Dalil Penetapan Bulan Ramadan

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَتِهِ فَإِنْ غَبِيَ عَلَيْكُمْ
فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثَيْنَ

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :

“Berpuasalah kamu apabila kamu melihat anak bulan dan berbukalah kamu (berhari raya) apabila kamu melihatnya. Jika anak bulan terlindung daripada pandangan kamu, cukupkanlah bilangan bulan Sya’ban kepada 30 hari.”

Riwayat al-Bukhari dan Muslim



Hukum berpuasa pada hari ke-30 Sya'ban (Hari Syak)

- 1.** Pada pandangan Mazhab Syafii hukumnya adalah haram berpuasa pada separuh akhir bulan Sya'ban dan di antaranya ialah Hari Syak (30 Sya'ban).
- 2.** Hukum ini dikecualikan bagi mereka yang biasa berpuasa pada hari Isnin dan Khamis atau Puasa Nazar atau Puasa Qada'.



Hukum berpuasa pada hari ke-30 Sya'ban (Hari Syak)

Dalilnya

عَنْ عَمَّارٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ :
مَنْ صَامَ الْيَوْمَ الَّذِي يُشَكُّ فِيهِ فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ
– صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ –

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada 'Ammar Radhiallahu 'Anhu bahawa dia berkata :
“Sesiapa yang berpuasa pada hari yang syak padanya, maka dia telah mengingkari Abu al-Qasim (Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam)”

Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi



Hukum berpuasa pada hari ke-30 Sya'ban (Hari Syak)

Dalilnya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
إِذَا انْتَصَفَ شَعْبَانُ فَلَا صِيَامَ حَتَّى يَكُونَ رَمَضَانُ

Maksudnya :

Sabda Nabi Sollallahu Alaihi Wa Sallam : "Apabila sudah di pertengahan Sya'ban, tidak boleh berpuasa lagi sehingga tiba Ramadhan."

Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi



Hukum berpuasa pada hari ke-30 Sya'ban (Hari Syak)

Dalilnya

**Kata-kata Imam An-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya
Al-Majmu' tentang hukum berpuasa pada Hari Syak**

لَا يَصِحُّ صَوْمُ يَوْمِ الشَّكِ عَنْ رَمَضَانَ بِلَا خَلَافٍ فَإِنْ
صَامَهُ عَنْ قَضَاءٍ أَوْ نَذْرٍ أَوْ كَفَارَةً أَجْزَأَهُ

Maksudnya :

Tidak sah berpuasa pada Hari Syak (30 Sya'ban) tanpa khilaf pada pandangan ulama Mazhab Syafii kecuali jika puasa itu adalah Puasa Qada' atau Puasa Nazar atau Puasa Kaffarah maka ia dibenarkan dan diterima.



Syarat Wajib Puasa Ramadan

- 1.** Islam
- 2.** Mukallaf ('Aqil – Berakal)
(Baligh – Cukup Umur)
- 3.** Tiada sebarang keuzuran yang menghalang puasa atau mengharuskannya berbuka



Apakah Keuzuran Yang Menghalang Puasa?

- 1. Haid atau Nifas pada sebahagian waktu siang**
- 2. Pitam atau gila sepanjang hari. Jika pulih daripada pitam atau gila walaupun sekejap dia wajib imsak (menahan diri) sepanjang hari tersebut.**



Syarat Sah Puasa Ramadan

- 1. Islam**
 - Tidak sah puasa orang kafir
- 2. Berakal atau mumayyiz**
- 3. Tiada sebarang keuzuran yang menghalang puasa**
 - Tidak pitam dan gila yang berterusan sepanjang hari serta tiada kedatangan haid dan nifas



Rukun Puasa Ramadan



Rukun Puasa Ramadan



The diagram consists of a white L-shaped line on a dark blue background. At each corner of the L-shape is a small red dot. At the top of the vertical stem of the L-shape is a larger orange dot. To the right of the L-shape, the word "Niat" is written above the first pillar, and the second pillar's text is aligned with the bottom of the L-shape.

Niat

Menahan Diri Daripada
Segala Perkara Yang
Membatalkannya



Perincian Rukun Puasa Ramadan

Rukun Pertama : Niat

- Tempat niat adalah di dalam hati
- Tidak memadai dengan lisan
- Malah tidak disyaratkan melafazkannya

Dalilnya

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ

Maksudnya :

“Sesungguhnya setiap amalan adalah dengan niat”

Riwayat al-Bukhari dan Muslim



Perincian Rukun Puasa Ramadan

Syarat Niat Puasa Ramadan

- 1. Berniat pada waktu malam**
- 2. Menentukan jenis puasa**
- 3. Niat berulang-ulang**



Perincian Rukun Puasa Ramadan

Syarat Pertama: Berniat Pada Waktu Malam

- 1.** Berniat sebelum terbit fajar
- 2.** Jika tidak berniat puasa hingga fajar telah terbit,
maka niat itu terbatal dan puasa juga turut terbatal



Syarat Pertama **Berniat Pada Waktu Malam**

Dalilnya

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مَنْ لَمْ يَبْيَتِ الصَّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صَيَامَ لَهُ

Maksudnya :

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :
“Sesiapa yang tidak berniat puasa sebelum terbit fajar,
maka puasanya tidak sah.”

Riwayat ad-Daruqutni dan al-Baihaqi



Perincian Rukun Puasa Ramadan

Syarat Kedua: Menentukan Jenis Puasa

- 1.** Puasa yang diniat hendaklah ditentukan jenisnya
Contohnya berazam dalam hati untuk menunaikan puasa Ramadan
- 2.** Jika seseorang berniat puasa sahaja, maka niatnya itu tidak sah



Syarat Niat Kedua Menentukan Jenis Puasa

Dalilnya

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ, قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ”إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَا نَوَى“.

رواه البخاري مسلم

Maksudnya :

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam : “Sesungguhnya setiap amalan itu adalah dengan niat, dan sesungguhnya seseorang itu akan dibalas berdasarkan niatnya.”

Riwayat al-Bukhari dan Muslim



Perincian Rukun Puasa Ramadan

Syarat Ketiga: Niat Berulang-Ulang

- 1.** Hendaklah berniat puasa untuk hari berikutnya pada setiap malam sebelum terbit fajar
- 2.** Tidak memadai niat sekali sahaja untuk sebulan
- 3.** Puasa Ramadan bukanlah ibadat yang tunggal tetapi ia adalah ibadat yang berulang-ulang
- 4.** Setiap satu ibadat (satu hari puasa) mempunyai niat yang tersendiri
- 5.** Puasa sunat tidak disyaratkan berniat pada waktu malam dan menentukan jenis puasanya
- 6.** Sah puasa (puasa sunat) apabila berniat sebelum matahari tergelincir dan dengan niat puasa sahaja



Dalil puasa sunat tidak disyaratkan berniat pada waktu malam

Dalilnya

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْتِينَا فَيَقُولُ : ”هَلْ عِنْدَكُمْ مِنْ غَدَاءٍ ” . فَإِنْ قُلْنَا نَعَمْ ، تَغَدَّى وَإِنْ قُلْنَا لَا ، قَالَ : ”إِنِّي صَائِمٌ ” .

رواه البيهقي والدارقطني

Maksudnya :

Daripada Saidatina A'isyah Radhiallahu 'Anha berkata bahawa Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam pulang ke rumahnya lalu Baginda bertanya : "Adakah ada makan tengah hari di rumah? Kata A'isyah Radhiallahu 'Anha : "Jika kami memberitahu Baginda bahawa ada makanan, baginda akan makan tetapi jika kami memberitahu Baginda bahawa tiada makanan, lantas Baginda akan menyatakan bahawa Baginda meneruskan puasanya."

Riwayat al-Baihaqi dan ad-Daruqutni



Perincian Rukun Puasa Ramadan

Rukun Kedua :

Menahan diri daripada segala perkara yang membatalkan puasa

1. Makan dan minum
2. Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga melalui ruang yang terbuka
3. Muntah dengan sengaja
4. Melakukan hubungan kelamin dengan sengaja
5. Mengeluarkan air mani dengan sengaja
6. Haid dan nifas
7. Gila dan Murtad (wal'iyazubillah)



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Makan dan minum

- **Makan dan minum membatalkan puasa sekiranya disengajakan walaupun sedikit**
- **Jika terlupa dirinya berpuasa dan dia telah makan dan minum, puasanya tidak batal walaupun dia sudah makan atau minum dalam kuantiti yang banyak sekalipun**



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa **Makan dan minum** Dalilnya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ نَسِيَ وَهُوَ صَائِمٌ
فَأَكَلَ أَوْ شَرَبَ فَلَيْتَمْ صَوْمَةً فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللَّهُ وَسَقَاهُ

Maksudnya :

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu katanya, telah bersabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :
“Sesiapa yang terlupa sedang dia berpuasa lalu dia makan dan minum, maka hendaklah dia meneruskan puasanya. Sesungguhnya Allah telah memberinya makan dan minum.”

Riwayat al-Bukhari dan Muslim



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga melalui ruang yang terbuka

- Benda bermaksud sesuatu yang dapat dilihat
- Rongga pula bermaksud ruang dari halkum hingga usus dan tali perut
- Ruang yang terbuka bermaksud mulut, telinga, kemaluan dan dubur bagi lelaki dan perempuan



Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga melalui ruang yang terbuka

Oleh itu, pada pandangan Mazhab Syafii :

- 1. Titisan melalui telinga membatalkan puasa**
- 2. Titisan melalui mata **tidak membatalkan** puasa**
- 3. Suntikan melalui dubur membatalkan puasa**
- 4. Suntikan melalui urat **tidak membatalkan** puasa**



2

Memasukkan sesuatu benda ke dalam rongga melalui ruang yang terbuka

Tetapi AWAS !

1. Puasa akan terbatal jika air liur yang ditelan bercampur dengan najis. Contohnya seseorang yang mengalami gusi berdarah dan menelan air liurnya tanpa membasuh mulutnya dahulu.
2. Puasa juga akan terbatal jika air masuk ke dalam mulut atau hidung ketika berkumur-kumur secara berlebih-lebihan.





Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Muntah dengan sengaja

- Muntah dengan sengaja boleh membatalkan puasa seseorang sekalipun dia pasti tiada apa-apa daripada muntahnya itu masuk semula ke dalam perutnya.
- Tetapi puasa seseorang itu **tidak batal** sekiranya dia tiada upaya menahan muntahnya sekalipun dia mengetahui ada sesuatu daripada muntahnya itu masuk semula ke dalam perutnya dengan tidak sengaja.



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa **Muntah dengan sengaja**

Dalilnya

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيءُ فَلَيْسَ عَلَيْهِ قَضَاءٌ وَمَنْ اسْتَقَاءَ فَلَيَقْضِ

Maksudnya :

Sabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :

"Sesiapa yang tidak dapat menahan muntahnya semasa berpuasa, dia tidak wajib mengqadakan puasanya dan jika dia sengaja muntah maka hendaklah dia mengqadakannya."

Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Melakukan hubungan kelamin dengan sengaja

- Melakukan hubungan suami isteri pada siang hari boleh membatalkan puasa sekalipun tanpa keluar mani.
- Dibenarkan untuk melakukan hubungan suami isteri pada malam bulan Ramadan.



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Melakukan hubungan kelamin dengan sengaja

Dalilnya

أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الْرَّفْثُ إِلَى نِسَاءِ كُمْ

Maksudnya :

Firman Allah:

“ Dihalalkan bagi kamu pada malam bulan Ramadan untuk kamu bersama dengan isterimu... ”

Surah Al-Baqarah : 187



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Melakukan hubungan kelamin dengan sengaja

Dalilnya

وَكُلُوا وَأْشِرِبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ
ثُمَّ أَتِمُّوا الصِّيَامَ إِلَى الظَّلَلِ ۝ وَلَا تُبَشِّرُوهُنَّ ۝ وَأَنْتُمْ عَذِيقُونَ فِي الْمَسَاجِدِ ۝

Maksudnya :

“Makanlah dan minumlah sehingga jelas kepada kamu cahaya siang daripada kegelapan malam. Kemudian sempurnakanlah puasa kamu sehingga waktu malam (Maghrib) dan janganlah kamu melakukan hubungan suami isteri ketika kamu sedang beriftikaf di masjid.”

Surah Al-Baqarah : 187



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Mengeluarkan air mani dengan sengaja

- Air mani keluar sama ada dengan perbuatan berkucup dan seumpamanya atau dengan tangan (onani).
- Apabila seseorang berbuat demikian dengan sengaja, maka puasanya batal.
- Jika tidak disengajakan dan tidak dapat menahan maninya keluar, puasanya tidak batal.

Dalilnya

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ
كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يُقَبِّلُنِيْ وَهُوَ صَائِمٌ وَأَيْكُمْ يَمْلِكُ إِرْبَهُ كَمَا كَانَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْلِكُ إِرْبَهُ
رواه مسلم

Maksudnya:

Kata Aisyah Radhiallahu Anha: "Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam mengucupku sedangkan Baginda dalam keadaan berpuasa. Siapakah di kalangan kamu yang mampu mengawal nafsunya sebagaimana Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam?"

Riwayat Muslim



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Haid dan nifas

- **Sekiranya wanita yang berpuasa keluar haid ataupun nifasnya pada sebahagian daripada siang maka batallah puasanya.**
- **Dia WAJIB mengqada puasa hari tersebut pada bulan-bulan yang lain.**



Perincian Tentang Perkara-Perkara Yang Membatalkan Puasa

Gila dan Murtad (*wal'iyazubillah*)

- Kedua-dua perkara tersebut juga menghalang daripada puasa.
- Ini kerana orang yang berpuasa dalam keadaan tersebut telah terkeluar daripada kelayakan beribadat.



Fatwa Semasa Tentang Hukum Hakam Puasa

Keputusan Persidangan Fiqh Antarabangsa (al-Majma' al-Fiqhi al-Islami) (No. 93 (1/10) pada 23-28 Safar 1418H bersamaan 28 Jun – 3 Julai 1997) Mengenai Perkara-Perkara Yang Tidak Membatalkan Puasa.

A. Keputusannya (Qarar) seperti berikut:

Perkara-perkara berikut dikira sebagai perkara yang tidak membatalkan puasa :

- 1 Ubat titis mata, titis telinga dan basuh telinga. Ubat titis hidung atau semburan hidung, dengan syarat tidak menelan apa yang sampai ke halkum.
- 2 Ubat tablet bawah lidah yang digunakan oleh pesakit Angina (jantung) dengan syarat tidak menelan apa yang sampai ke halkum.
- 3 Memasukkan ubat melalui faraj, memasukan alat perubatan, membasuh, spekulum dan jari doktor atau bidan semasa pemeriksaan vagina (sebelum bersalin).
- 4 Memasukkan teropong ke dalam salur peranakan/rahim atau alat ke dalamnya. (Contoh: Alat Pencegah Kehamilan - IUCD)
- 5 Memasukkan teropong ke salur kencing lelaki atau perempuan untuk penyediaan x-ray atau sebagainya
- 6 Menampal, mencabut, mengorek dan mencuci gigi atau menggunakan alatan dan berus gigi, dengan syarat tiada apa-apa bahan yang memasuki perut dari prosedur tersebut.
- 7 Membasuh mulut, berkumur atau semburan mulut, dengan syarat tiada bahan masuk ke dalam perut dan tidak menelan apa yang sampai ke halkum.
- 8 Suntikan melalui kulit, otot, sendi atau pembuluh darah, KECUALI menyalurkan makanan melalui pembuluh darah seperti glukos yang mengenyangkan.

Sambungan >> m/s 50

SUMBER : Risalah (3) Ramadhan Al-Mubarak; Hukum Semasa Berkaitan Puasa Oleh Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman



Fatwa Semasa Tentang Hukum Hakam Puasa

Keputusan Persidangan Fiqh Antarabangsa (al-Majma' al-Fiqhi al-Islami) (No. 93 (1/10) pada 23-28 Safar 1418H bersamaan 28 Jun – 3 Julai 1997) Mengenai Perkara-Perkara Yang Tidak Membatalkan Puasa.

A. Keputusannya (Qarar) seperti berikut:

Perkara-perkara berikut dikira sebagai perkara yang tidak membatalkan puasa :

- 9 Oksigen dan Gas Bius.
- 10 Bius menggunakan gas, bukan menggunakan cecair yang mengenyangkan.
- 11 Semua jenis bahan yang boleh menyerap ke dalam badan melalui kulit seperti krim, jelai atau plaster berubat.
- 12 Sesalur dan bahan perantara untuk arteriografi (pemeriksaan x-ray khas jantung) atau organ lain.
- 13 Teropong dalam rongga perut (endiskopi) untuk mencari punca penyakit.
- 14 Mengambil tisu (biopsi) hati atau organ lain untuk ujian makmal.
- 15 Teropong perut, dengan syarat tidak memasukkan apa-apa bahan cecair atau bahan seumpamanya.
- 16 Memasukkan ubat atau alat ke dalam otak.
- 17 Muntah secara tidak sengaja.

B. Jika tidak memberi mudarat, para doktor muslim hendaklah menasihat pesakit untuk menangguhkan dulu rawatan yang meragui sehingga selesai puasa.



Fatwa Semasa Tentang Hukum Hakam Puasa

Tambahan dari Keputusan “Seminar Fiqh Perubatan Ke-9 yang diadakan di Casablanca, Morroco, 8- 11 Safar 1418 bersamaan 14-17 Jun 1997.

Pendapat majoriti peserta seminar menambah perkara-perkara berikut juga **TIDAK MEMBATALKAN PUASA**:

- 1 Suntikan ke dalam dubur, teropong dan pemeriksaan digital ke dalam dubur.**
- 2 Pembedahan yang melibatkan bius sepenuhnya jika pesakit mengambil keputusan (berniat) untuk berpuasa pada malamnya.**
- 3 Mesin atau dialisis buah pinggang melalui perut.**



Adab Puasa Ramadan

- 1. Bersegera ketika berbuka**
- 2. Bersahur**
- 3. Melewatkhan sahur**
- 4. Meninggalkan kata-kata keji dan perbuatan serta perkataan yang memberahikan**
- 5. Mandi janabah (mandi wajib) sebelum terbit fajar**
- 6. Meninggalkan perbuatan berbekam**
- 7. Meninggalkan perbuatan merasa makanan atau mengunyahnya**
- 8. Berdoa ketika berbuka**
- 9. Memberi makan kepada orang yang berbuka puasa**
- 10. Memperbanyakkan sedeqah, membaca Al-Quran, dan beri'tikaf di masjid**



Perkara-Perkara Makruh Dalam Puasa Ramadan

- 1. Melewatkhan berbuka puasa**
- 2. Tidak makan sahur**
- 3. Terlalu awal makan sahur**
- 4. Bercakap dengan kata-kata keji dan lucah**
- 5. Mandi janabah selepas terbit fajar**
- 6. Berbekam**
- 7. Merasa makanan dan mengunyahnya**
- 8. Tidak berdoa ketika berbuka puasa**
- 9. Jarang bersedeqah**
- 10. Tidak membaca Al-Quran dan beri'tikaf**



Golongan Yang Diberi Rukhsah (Kemudahan) Untuk Berbuka Puasa

- 1. Orang musafir**
- 2. Orang sakit**
- 3. Orang tua yang lemah**
- 4. Pesakit yang tiada harapan sembuh**
- 5. Perempuan mengandung dan menyusu bayi**



Puasa Qada' Ramadan

Bil	Kategori	Qada'	Fidyah
1.	Musafir	Wajib	-
2.	Sakit	Wajib	-
3.	Orang tua yang lemah	Tidak Wajib	Wajib Bayar
4.	Sakit tiada harapan sembah	Tidak Wajib	Wajib Bayar
5.	Perempuan mengandung berbuka kerana bimbangkan dirinya	Wajib	-
6.	Perempuan mengandung berbuka kerana bimbangkan kandungannya	Wajib	Wajib Bayar
7.	Perempuan menyusu berbuka kerana bimbangkan dirinya	Wajib	-
8.	Perempuan menyusu berbuka kerana bimbangkan anaknya	Wajib	Wajib Bayar

Nota:

Jumlah fidyah bagi sehari puasa ditinggalkan = secupak beras = 600 gram



Puasa Qada' Ramadan

Info Tambahan

Kadar Fidyah bagi tahun semasa ialah RM1.80 sehari.

- **Pengiraan Fidyah (beras)**

**1 cupak beras = 675 gram atau bersamaan dengan
RM1.80 bagi sehari yang ditinggalkan**

Sumber: www.zakat.com.my

*Tertakluk kepada perubahan



Hukum Hakam Semasa Tentang Puasa Ramadan Perkara Yang Tidak Membatalkan Puasa Dalam Perubatan

- 1. Penggunaan alat penyedut udara (inhealer) bagi orang yang sakit penat dan asma**
- 2. Penggunaan jarum suntikan contohnya suntikan insulin untuk pesakit diabetes**
- 3. Menitiskan ubat ke dalam mata**
- 4. Derma darah dan menerima derma darah**
- 5. Sedutan gas oksigen**
- 6. Penggunaan teropong ke dalam perut**
- 7. Penggunaan krim dan losyen**

Rujukan: Buku Soal Jawab Puasa Susunan Dato' Haji Ismail Kamus – Muka Surat 40



Doa Semasa Ramadan



Doa Ketika Berbuka Puasa

Daripada Abdullah bin 'Amru Radiallahu 'Anhu berkata bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam pernah bersabda: "Sesungguhnya bagi seseorang yang berpuasa itu ketika dia berbuka puasa terdapat doa yang tidak akan ditolak oleh Allah."

Hadith ini sanadnya dhaif.

Daripada Abdullah bin Umar Radiallahu 'Anhu berkata adalah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila Baginda berbuka puasa, Baginda akan berdoa :

ذَهَبَ الظَّمَاءُ وَابْتَلَتِ الْعُرُوقُ، وَثَبَّتَ الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Telah hilanglah dahaga, telah basahlah urat saraf dan telah tetaplah ganjarannya di sisi Allah, in sya Allah (dengan izin Allah).

Hadith riwayat Abu Daud, an-Nasa'ie dan ad-Daruquthni meletakkan status hasan pada hadith ini.

Abdullah bin 'Amru Radiallahu 'Anhu apabila berbuka puasa, beliau akan membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ الَّتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِيْ

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu dengan rahmat-Mu yang meliputi segala sesuatu agar mengampunkan dosa dan kesalahanku".

Riwayat Ibnu Majah.



Doa Ketika Berbuka Puasa Di Rumah Orang Lain

Daripada Anas bin Malik Radiallahu 'Anhu menyatakan bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila Baginda berbuka puasa di rumah seseorang,
Baginda akan berdoa:

أَفْطَرَ عِنْدَكُمُ الصَّائِمُونَ، وَأَكَلَ طَعَامَكُمُ الْأَبْرَارُ،
وَصَلَّتْ عَلَيْكُمُ الْمَلَائِكَةُ

“Orang-orang yang berpuasa telah berbuka dengan kamu, dan orang-orang yang mulia telah memakan makanan kamu serta para malaikat telah mendoakan agar kamu mendapat rahmat.”

Riwayat Abu Daud.



Doa Malam Lailatul Qadar

Daripada Ummul Mukminin A'isyah Radhiallahu 'Anha bahawa beliau pernah bertanya kepada Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam:

Wahai Rasulullah, apakah pandanganmu jika aku tahu bilakah malam Lailatul Qadar, apakah doa yang akan kubaca pada malam tersebut?

Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam menjawab: Engkau katakanlah :

اللَّهُمَّ إِنِّي عَفْوٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, sukaikan kemaafan maka ampunkanlah dosaku."

Riwayat at-Tirmizi.



Panduan Syawal



Pengertian 'Eidul Fitri

Maksud 'Eid (Hari Raya)
'Eid bermaksud kembali

Dinamakan sedemikian kerana :

- Ia berulang-ulang kembali pada setiap tahun
- Kegembiraan kembali timbul dengan kembalinya hari tersebut

Tarikh Mula Disyariatkan Solat Sunat Hari Raya

**Solat Sunat Hari Raya telah disyariatkan pada
tahun kedua selepas hijrah**



Dalil Disyariatkan Solat Sunat Hari Raya

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَاخْرُجْ
سورة الكوثر

Maksudnya :

Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban.
(Surah al-Kauthar, ayat 2)

Para ulama tafsir menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan perintah solat di dalam ayat ini ialah Solat Sunat'Eidul Adha.

Abu Sa'id al-Khudri Radhiyallahu 'Anhu berkata Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam keluar pada 'Eidul Fitri dan 'Eidul Adha menuju ke tempat solat. Perkara pertama yang dilakukan oleh Baginda adalah solat. Kemudian Baginda berpaling mengadap orang ramai yang sedang duduk dalam saf-saf mereka. Lalu Baginda memberi nasihat dan mengeluarkan perintah kepada mereka.

Riwayat al-Bukhari dan Muslim



Hukum Solat Sunat Hari Raya

- Hukumnya adalah Sunat Muakkad
- Hal ini kerana Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam tidak pernah meninggalkannya
- Para sahabat Radhiyallahu 'Anhum juga melaksanakannya selepas kewafatan Baginda
- Ia dituntut supaya dilakukan secara berjamaah

Waktu Solat Hari Raya

- Waktunya bermula dari terbitnya matahari sehingga tergelincirnya matahari.
- Waktu yang afdal ialah ketika matahari naik sekadar tinggi segalah



Cara Solat Sunat Hari Raya

Didirikan sebanyak dua rakaat

Rakaat Pertama

- 1 Dimulakan dengan Takbiratul Ihram
- 2 Kemudian membaca Doa Iftitah
- 3 Kemudian bertakbir sebanyak tujuh kali
- 4 Ketujuh-tujuh takbir ini dipisahkan di antara satu sama lain
- 5 Disunatkan membaca tasbih di antara takbir-takbir tersebut

- 6 Lafaz Tasbih :
*سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ،
وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ*
- 7 Kemudian membaca Isti'azah
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
dan Surah al-Fatihah serta mana-mana surah atau ayat daripada al-Quran



Cara Solat Sunat Hari Raya Rakaat Kedua

- 1 Bertakbir sebanyak lima kali iaitu tidak termasuk takbir yang dilafazkan ketika bangun dari rakaat pertama (Takbir Intiqaliyah)
- 2 Kelima-lima takbir ini dipisahkan di antara satu sama lain
- 3 Disunatkan membaca tasbih di antara takbir-takbir tersebut
- 4 Lafaz tasbih :

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ،
وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

- 5 Kemudian membaca isti'azah
- أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
dan Surah al-Fatiyah serta mana-mana surah atau ayat daripada al-Quran

Perhatian

Semua (takbir tujuh kali pada rakaat pertama dan lima kali pada rakaat kedua) ini adalah sunat. Jika terlupa melakukannya dan telahpun membaca Surah al-Fatiyah, maka tidak perlu diulang takbir-takbir tersebut.



Khutbah Hari Raya

- **Sunat disampaikan dua khutbah selepas selesai Solat Sunat Hari Raya**
- **Jika disampaikan khutbah sebelum solat, maka ia tidak diambil kira**
- **Semua rukun dua Khutbah Jumaat dan sunat- sunatnya adalah terpakai pada khutbah Solat Sunat Hari Raya**
- **Khutbah Pertama, sunat dimulakan dengan 9 kali takbir dan Khutbah Kedua dengan 7 kali takbir**



Takbir Raya

Dalil disunatkan bertakbir ialah Firman Allah:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَنَكُمْ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

“Dan supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarakan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”

(Surah al-Baqarah: 185)

-
- Disunatkan bertakbir bermula dari tenggelam matahari (waktu Maghrib) pada malam hari raya
 - Disunatkan bertakbir di rumah, jalan raya, masjid dan pasar
 - Disunatkan meninggikan suara ketika bertakbir
 - Tempoh takbir berakhir apabila imam mula mengangkat Takbiratul Ihram untuk memulakan Solat Sunat Hari Raya 'Eidul Fitri.



Panduan Berkaitan Puasa Ramadan Dan Syawal

Lafaz Takbir Hari Raya

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Tiada tuhan melainkan Allah, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar dan bagi Allah segala kepujian,
Dimulai oleh Imam/Bilal (Diikuti Jemaah) (Diulang 3 Kali)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar lagi Maha Sempurna Kebesarannya, Segala puji bagi Allah sebanyak-banyaknya,
Dan Maha Suci Allah pada sepanjang pagi dan petang,

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

Tiada tuhan melainkan Allah dan tiada yang kami sembah melainkan Dia, dengan ikhlas kami beragama walaupun orang-orang kafir membenci,

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ

Tiada tuhan melainkan Allah, Dia satu-satunya, benar Janji-Nya, Dia menolong hamba-Nya, Dia memperkuatkan tentera-Nya dan
Dia menghancurkan tentera-tentera bersekutu (Ahzab) secara sendirian,

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ

Tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar, Allah Maha Besar dan bagi Allah segala kepujian.



Adab Ketika Meraikan Hari Raya

1. Mandi sunat hari raya, berwangi-wangian dan memakai pakaian yang terbaik serta menutup aurat. Dilarang bagi kaum wanita untuk memakai wangи-wangian secara melampau-lampau dan berhias secara berlebih-lebihan.
2. Disunatkan makan sedikit sebelum keluar untuk mendirikan Solat Sunat Hari Raya 'Eidul Fitri
3. Disunatkan datang awal ke masjid sebelum Solat Sunat Hari Raya 'Eidul Fitri
4. Pergi ke masjid dan surau secara berjalan kaki jika mampu.

Daripada Abdullah bin Umar Radhiyallahu 'Anhu menyatakan bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam keluar untuk mendirikan Solat Sunat Hari Raya dengan berjalan kaki.

(Riwayat Ibnu Majah)

5. Pulang dari masjid dan surau melalui jalan lain.

Daripada Abdullah bin Umar Radhiyallahu 'Anhuma menyatakan bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam pergi mendirikan Solat Sunat Hari Raya melalui jalan lain dan balik melalui jalan lain.

(Riwayat Abu Daud)



Adab Ketika Meraikan Hari Raya

6. Mengucapkan tahniah dengan ucapan "**Taqabballahu minna wa minkum**". Ibnu Hajar menyatakan di dalam kitabnya Fathul Bari, daripada Jubair bin Nufair berkata bahawa para sahabat Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila mereka bertemu pada Hari Raya, mereka saling mengungkapkan ucapan "**Taqabbalallahu minna wa minkum**" (semoga Allah menerima amalan daripada kami dan kamu semua)."
7. Mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara lagha (lalai) seperti mendengar lagu-lagu dan melihat rancangan televisyen yang melalaikan serta menjauhkan diri daripada pergaulan bebas dan percampuran di antara kaum lelaki dan perempuan dan bersalam-salam dengan bebas tanpa batasan syarak.
8. Berusaha untuk tidak membazir dalam menyediakan makan dan jamuan hari raya.
Firman Allah Taala yang bermaksud: "**Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya.**"
(Surah al-Isra': 27)



Panduan Puasa Sunat Enam Syawal

1. Disunatkan bagi sesiapa yang telah menyempurnakan puasa Ramadan untuk mengikuti puasa tersebut dengan Puasa Sunat Enam Syawal.
2. Disunatkan, bahkan afdal berpuasa secara berturut-turut pada awal bulan Syawal sejurus selepas hari raya pertama.
3. Jika seseorang itu berpuasa secara tidak berturut-turut atau melewatkannya, hukumnya adalah harus dan ia juga mendapat pahala sunnah berpuasa enam Syawal berdasarkan maksud umum hadith. Namun demikian, bersegera melakukannya adalah lebih afdal.

عَنْ أَبِي أَيُوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سَيِّئًا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيمًا الدَّهْرِ

رواه مسلم

Daripada Abu Ayyub al-Ansori Radhiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda :

"Barangsiapa berpuasa penuh pada bulan Ramadan, kemudian mengikutinya dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, maka (pahalanya) seperti ia berpuasa sepanjang tahun."

Riwayat Muslim



Ucapan Sempena Hari Raya

قَالَ ابْنُ حَجَرَ فِي فَتْحِ الْبَارِيِّ،
عَنْ جُبَيْرِ بْنِ نُفَيْرٍ قَالَ : "كَانَ أَصْحَابُ
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا التَّقَوْا
يَوْمَ الْعِيدِ يَقُولُ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ :
"تَقْبَلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ".

Ibnu Hajar menyatakan di dalam kitabnya Fathul Bari, daripada Jubair bin Nufair berkata bahawa para sahabat Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila mereka bertemu pada Hari Raya, mereka saling mengungkapkan ucapan "**Taqabbalallahu minna wa minka**" (**semoga Allah menerima amalan daripada kami dan kamu**)."

Riwayat Ibnu Hajar.



Rujukan

1. Al-Quran al-Karim
2. An-Nawawi, Yahya bin Syaraf, Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab. Beirut: Dar al-Fikr
3. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali asy-Syurbaji, al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam asy-Syafii. Damsyik: Dar al-Qalam
4. Az-Zuhaili, Muhammad, al-Mu'tamad Fi al-Fiqh asy-Syafi. Damsyik: Dar al-Qalam
5. Ismail bin Kamus, Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Puasa Tapi Anda Malu Bertanya: Telaga Biru Sdn. Bhd
6. Abdul Basit bin Abdul Rahman, Perisai Muslim: Telaga Biru Sdn. Bhd.

- Nota kuliah ini adalah ringkasan daripada kuliah panjang yang telah disampaikan.
- Sebahagian daripada nota ini memerlukan kepada huraian yang lebih terperinci.
- Sebarang pembetulan terhadap kesilapan yang ada amatlah dialu-alukan.
- Penyusun memohon maaf di atas segala kekurangan dan kesilapan yang ada.
- Sesungguhnya kesempurnaan adalah hanya milik Allah Taala.

Jom Solat telah diasaskan oleh Nadia Syazwani Binti Zahari (Nadia Zahari 1988-2013) yang telah pulang ke Rahmatullah pada 9 Syawal 1434H bersamaan 16 Ogos 2013.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَاعَفْ عَنْهَا

"Ya Allah, ampunkanlah dosanya, rahmatilah dia, selamatkanlah dia dan maafkanlah dia."



**Ustaz Salehuddin
bin Abu Samah**

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPL)
Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak
Panellis TanyaLah Ustaz TV9
Kolumnis Majalah Al-Ustaz)





www.jomsolah.com